

**TEKS UCAPAN**  
**YB MENTERI KERJA RAYA**

**Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya (KKR) dan**

**Anugerah Media Pembinaan CIDB 2018**

**14 OKTOBER 2018**

Selamat Sejahtera,

Para hadirin sekalian,

1. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran wakil-wakil media pada malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Anugerah Media Pembinaan CIDB 2018. Ini merupakan penglibatan pertama saya untuk Malam Penghargaan Media dan majlis anugerah ini. Saya amat bersyukur kerana diberi peluang bersama-sama tuan/puan hadir pada malam ini. Saya juga terharu dengan kehadiran media walaupun saya sedar tuan/puan mempunyai komitmen yang tinggi dalam tugas-tugas harian tuan/puan.
  
2. Saya dimaklumkan oleh Pihak Pengurusan KKR ini merupakan tahun keempat Kementerian berjaya menganjurkan Malam Penghargaan Media bersama-sama pengamal media. Kalau sebelum ini majlis ini hanya diraikan di Kuala Lumpur sahaja, namun Kementerian telah

memperluaskan lagi majlis meraikan rakan-rakan media di Sabah dan Sarawak juga.

3. Malam media pada hari ini merupakan pembukaan bagi program seumpama yang bakal menyusul di Sarawak dan Kuala Lumpur, sama juga dengan konsep pada hari ini turut meraikan pengamal-pengamal media di Sarawak dan Kuala Lumpur yang banyak memberi sokongan kepada kementerian ini serta agensi dibawahnya.
4. Apa yang penting pada malam ini saya berharap para pengamal media dapat bersantai bersama-sama kami untuk meraikan dan menghargai jasa yang telah disumbangkan oleh rakan-rakan media di Sabah dalam memberikan liputan, publisiti dan hebahan ke atas setiap program serta aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian Kerja Raya dan semua agensi di bawah KKR. Kementerian Kerja Raya menganggap media adalah rakan strategik KKR. Malah lebih tepat lagi rakan strategik jangka masa panjang. Hubung jalin antara kementerian dan media dikuatkan lagi dengan program-program seperti yang dianjurkan pada hari ini.

5. Saya mengharapkan kementerian dan media terus bekerjasama dan saling berinteraksi dalam menyebarluas maklumat kepada rakyat. Sebaran yang jelas mengenai pembangunan halatuju infrastruktur negara kepada rakyat. Kementerian Kerja Raya bersama 6 agensi di bawahnya telah menggembung kepakaran dan tenaga untuk memastikan pembangunan dari segi teknologi, inovasi dan modal insan diangkat sebagai *Key Performance Indicator* (KPI). Program dan inisiatif ini pula dilaksanakan melalui Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang merupakan

pelan transformasi sektor pembinaan bagi tempoh 5 tahun bermula tahun 2016 hingga 2020. Terdapat 4 teras strategik utama dalam CITP iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme; Kemampanan Alam Sekitar; Produktiviti dan Pengantarabangsaan, yang akan mentransformasikan industri pembinaan ke arah industri yang lebih produktif, mampan, selamat, berkualiti, profesional dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

6. Di bawah CITP ini, pelbagai program sedang dan akan dilaksanakan dan ianya memberi ruang kepada penggiat industri pembinaan untuk bergiatan aktif dalam bidang seperti *Industrialised Building System* (IBS), *Building Information Modelling* (BIM) dan pembangunan tenaga kerja mahir melalui program *Technical Vocational Education Training* (TVET). Di sini peranan para media dimohon untuk menulis banyak artikel berkaitan pemodenan industri infrastruktur negara termasuklah pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang sedang rancak dilaksanakan. Ingin ditegaskan media massa memainkan peranan penting bagi menyampaikan maksud kerajaan kepada rakyat dan peranan media sebagai lidah rakyat juga tidak disangkal lagi. Kementerian dapat mendengar apa yang dimahukan oleh rakyat melalui hubungan dua hala seperti ini.

Para hadirin sekalian,

7. Pada tahun ini juga KKR masih meneruskan Anugerah Media Pembinaan CIDB 2018 buat kali keempat dan telah membahagikan pertandingan ini kepada empat kategori iaitu seperti berikut :

- i. Anugerah Media Cetak untuk Akhbar dan Majalah;
- ii. Anugerah Media Elektronik untuk TV dan radio;
- iii. Anugerah Media Online untuk artikel dan video; dan
- iv. Anugerah Fotografi.

8. Untuk semua kategori pemenang pertandingan akan menerima sijil penyertaan dan wang tunai termasuk trofi. Setiap kategori ini hadiah pertama wang tunai yang bakal dibawa pulang ialah sebanyak RM5,000, manakala untuk pemenang kedua bakal membawa pulang sebanyak RM3,000 manakala untuk tempat ketiga bakal membawa pulang wang sebanyak RM2,000. Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas penyertaan para media Sabah. Namun penyertaannya makin berkurangan berbanding tiga tahun yang lalu. Pada tahun ini hanya 29 penyertaan yang masuk bertanding. Adalah diharapkan untuk tahun hadapan penyertaan meningkat kerana hadiah yang ditawarkan tidak kurang hebatnya. Penyertaan untuk anugerah Fotografi sangat kurang penyertaannya. Saya menyeru kepada jurugambar-jurugambar untuk mengambil moment yang indah berkaitan infra yang saya lihat ada pada setiap sudut di Sabah ini dan diolah dengan gabungan artikel yang baik sudah pastinya impak artikel adalah terbaik dan maksud yang ingin disampaikan kepada pembaca lebih bermakna.

Para Hadirin sekalian,

9. Saya amat berharap majlis ini dilihat sebagai medium untuk mengeratkan hubungan silaturrahim, saling kenal mengenali, bertukar-tukar fikiran dan mengembangkan idea bagi mengenalpasti pendekatan yang lebih berkesan dalam usaha KKR berhadapan dengan cabaran pada masa kini.
10. Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada urusetia program Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya (KKR) Dan Anugerah Media Pembinaan CIDB 2018 kerana berjaya menganjurkan program ini dengan baik sekali. Tidak lupa juga kepada semua rakan-rakan media terima kasih di atas kehadiran tuan/puan. Selamat menjamu selera dan selamat malam.

Sekian, terima kasih.